

Ekonomi (944)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 16 501 orang calon. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 59.19%, iaitu meningkat sebanyak 3.94% berbanding dengan tahun 2011.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.48	5.68	6.89	8.17	9.86	10.27	10.84	7.27	6.2	6.81	20.53

RESPONS CALON

KERTAS 944/1 (MIKROEKONOMI)

ANEKA PILIHAN

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	16	C
2	A	17	C
3	C	18	A
4	A	19	B
5	B	20	D
6	B	21	A
7	D	22	C
8	D	23	B
9	A	24	D
10	B	25	B
11	B	26	C
12	C	27	C
13	C	28	C
14	B	29	A
15	C	30	D

ESEI RINGKAS, ESEI, DAN KUANTITATIF

Komen am

Kebanyakan soalan yang ditanya menguji kefahaman pelajar terhadap konsep-konsep dalam ekonomi, seperti soalan 1, 4, 5, dan 10. Namun demikian, terdapat banyak soalan yang memerlukan calon membuat perbandingan, seperti soalan 1, 10 (a), dan 11 (a) yang menyebabkan calon kehilangan markah kerana tidak memberikan jawapan perbezaan yang tepat.

Pencapaian calon pada tahun ini juga lebih baik daripada pencapaian calon pada tahun lepas. Pada tahun ini, seramai 16 501 calon mengambil peperiksaan. Secara amnya, terdapat tiga aras jawapan yang dikemukakan oleh calon, iaitu aras baik, sederhana, dan lemah. Jawapan calon yang berprestasi baik (markah 50 dan ke atas) umumnya mempunyai perancangan yang cukup baik dalam menjawab soalan serta menggunakan konsep dan istilah yang tepat dalam menjawab soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei Ringkas

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membuat perbezaan antara tanah dengan cahaya matahari. Kebanyakan calon terus membuat perbezaan antara barang ekonomi dengan barang percuma tanpa menyebut tanah dan cahaya matahari. Terdapat juga calon yang membuat perbezaan tanah dengan cahaya matahari secara umum. Ada juga calon menyatakan tanah sebagai barang modal. Calon sepatutnya membezakan tanah dengan cahaya matahari dari segi jenis barang, penawaran, harga/kos, dan kos lepas.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon melukis gambar rajah keseimbangan permintaan dan penawaran seterusnya menghuraikan perubahan harga dan kuantiti keseimbangan apabila peningkatan penawaran melebihi peningkatan permintaan. Terdapat calon yang gagal melukis perubahan keluk secara serentak lalu menyebabkan calon gagal mengemukakan huraian dengan baik. Calon sepatutnya melukis gambar rajah keseimbangan asal, peralihan keluk, dan keseimbangan baharu, seterusnya menghuraikan keseimbangan asal, peralihan keluk, perubahan harga, dan kuantiti keseimbangan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga. Calon sepatutnya menghuraikan faktor kewujudan barang pengganti, kegunaan barang, nisbah perbelanjaan daripada pendapatan, dan jangka masa/kepentingan barang mempengaruhi keanjalan permintaan harga.

Terdapat calon yang gagal menyatakan “banyak barang pengganti”, sebaliknya mereka menyatakan bahawa ada barang pengganti maka permintaan anjal. Selain itu, calon juga memberikan faktor yang mempengaruhi permintaan, seperti faktor musim, pendapatan pengguna, dan cita rasa.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan dua faktor yang mempengaruhi ekonomi bidangan dalaman. Calon sepatutnya menerangkan bagaimana ekonomi bidangan pengkhususan, ekonomi pemasaran, ekonomi kewangan, dan ekonomi teknikal/ekonomi penyelidikan mempengaruhi ekonomi bidangan dalaman.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan dua faktor yang mempengaruhi tak ekonomi dalaman. Calon sepatutnya menerangkan bagaimana tak ekonomi bidang pengkhususan, tak ekonomi pemasaran, tak ekonomi kewangan, dan tak ekonomi teknikal/tak ekonomi penyelidikan mempengaruhi tak ekonomi bidang dalaman. Kebanyakan calon dapat menyatakan fakta dan memberikan huraian ke atas fakta dengan baik. Namun demikian, ada juga calon yang gagal menyatakan fakta tetapi dapat menghuraikan faktor. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan secara umum tanpa dikaitkan dengan pengeluaran skala besar-besaran, seperti kecekapan pengeluaran/kecekapan peruntukan.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon memberikan maksud (a) diskriminasi harga darjah pertama (b) diskriminasi harga darjah kedua dan (c) diskriminasi harga darjah ketiga berserta contoh. Calon sepatutnya menyatakan maksud (a) diskriminasi harga darjah pertama, iaitu penetapan harga berdasarkan tingkat harga maksimum berserta contoh. Item (b) diskriminasi harga darjah kedua, iaitu penetapan harga berbeza mengikut blok berserta contoh yang jelas. Item (c) pula ialah diskriminasi harga darjah ketiga, iaitu mengenakan harga yang berbeza berserta contoh. Kebanyakan calon gagal memberikan definisi diskriminasi darjah pertama dan kedua. Mereka hanya memberikan definisi secara umum, seperti doktor, peguam, dan bil elektrik.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga ciri pasaran oligopoli. Calon sepatutnya menghuraikan secara ringkas ciri pasaran oligopoli dari aspek bilangan pengeluar, kebebasan keluar masuk, kuasa menentukan harga, jenis barangan yang dikeluarkan, dan persaingan bukan harga. Majoriti calon dapat menghuraikan ciri pasaran oligopoli berdasarkan aspek berkenaan. Terdapat calon yang menyatakan bilangan firma sedikit tetapi gagal menyatakan bahawa ia merupakan firma besar.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon memberi maksud kadar bunga. Calon sepatutnya menyatakan maksud kadar bunga, iaitu ganjaran yang dibayar ke atas modal dalam bentuk peratus. Kebanyakan calon menyatakan kadar bunga sebagai ganjaran ke atas modal tanpa menyatakan peratus.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar. Calon sepatutnya membezakan kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar berdasarkan contoh dalam bentuk peratus. Kebanyakan calon dapat memberikan contoh dengan betul. Namun begitu, ada juga calon yang membezakan kedua-duanya dalam bentuk jumlah.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menerangkan tiga faktor yang menyebabkan kerajaan campur tangan dalam ekonomi. Calon sepatutnya menerangkan faktor ketidakstabilan ekonomi, ketidakstabilan harga, agihan pendapatan tidak seimbang, kekurangan barang awam, dan kewujudan kesan luaran negatif/mengawal kuasa monopoli menyebabkan kerajaan campur tangan dalam ekonomi. Majoriti calon dapat menerangkan faktor berkenaan dengan baik dan memberikan contohnya. Ramai calon yang dapat memberikan jawapan lebih daripada tiga fakta. Walau bagaimanapun, ramai juga calon yang memberikan faktor sosial untuk menangani masalah jenayah atau penindasan.



BAHAGIAN C: Esei

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon menerangkan konsep kecekapan pengeluaran, kekurangan sumber, dan kos lepas berdasarkan jadual. Calon sepatutnya menjelaskan konsep berkenaan dan memberikan contoh berdasarkan data dalam jadual yang diberikan. Calon dapat menyatakan kedudukan kombinasi berdasarkan konsep. Namun begitu, majoriti calon memberikan definisi kos lepas secara umum tanpa merujuk jadual. Sebahagian besar calon menjelaskan konsep kecekapan pengeluaran dan kekurangan sumber secara umum tanpa merujuk kepada jadual.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara perubahan kuantiti diminta dengan perubahan permintaan dengan berbantuan gambar rajah. Calon sepatutnya melukis keluk permintaan perubahan kuantiti diminta dan perubahan permintaan. Seterusnya, mereka hendaklah menjelaskan pergerakan di sepanjang keluk dan perpindahan keluk permintaan.



Majoriti calon dapat melukis keluk permintaan dan menjelaskannya dengan betul. Namun demikian, terdapat juga calon yang membezakan perubahan kuantiti diminta dengan perubahan permintaan dari aspek faktor penyebab.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor yang mempengaruhi perubahan permintaan. Calon sepatutnya menghuraikan perubahan harga barang pengganti, harga barang penggenap, cita rasa, pendapatan, musim, dasar kerajaan, jangkaan harga atau jumlah penduduk yang mempengaruhi permintaan. Kebanyakan calon dapat menghuraikan lebih daripada tiga fakta yang mempengaruhi perubahan permintaan. Namun demikian, terdapat juga calon yang mengaitkan faktor perubahan permintaan dengan peralihan keluk.

Soalan 11

Soalan (a) menghendaki calon membezakan keanjalan penawaran yang tak anjal sempurna dengan penawaran yang anjal sempurna. Calon sepatutnya membezakan keanjalan penawaran yang tak sempurna dengan penawaran yang anjal sempurna dari aspek definisi dan nilai atau bentuk keluk. Kebanyakan calon dapat membezakan keanjalan penawaran yang tak anjal sempurna dengan penawaran anjal sempurna berdasarkan keluk. Namun begitu, ramai calon yang gagal membezakan keanjalan penawaran yang tak anjal sempurna dengan penawaran yang anjal sempurna dari aspek definisi.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan faktor masa yang boleh mempengaruhi keanjalan penawaran. Calon sepatutnya menghuraikan faktor jangka singkat, jangka pendek, dan jangka panjang yang dapat mempengaruhi keanjalan penawaran. Kebanyakan calon dapat mengaitkan jangka masa dengan jenis keanjalan penawaran. Namun begitu, sebilangan calon gagal memberikan sebab jenis keanjalan berdasarkan jangka masa.

Soalan 12

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan bagaimana firma monopoli menentukan tingkat output dan harga keseimbangan berdasarkan pendekatan kos sut dan hasil sut dengan berbantuan gambar rajah. Calon sepatutnya melukis keluk keseimbangan firma monopoli, tingkat output, dan harga keseimbangan berdasarkan pendekatan hasil sut dan kos sut. Seterusnya, mereka hendaklah menjelaskan bagaimana keseimbangan firma dicapai dan menyatakan harga dan kuantiti keseimbangan. Calon juga perlu menjelaskan situasi jika ketidakseimbangan berlaku. Majoriti calon dapat melukis keluk, menyatakan syarat keseimbangan, harga, dan kuantiti keseimbangan. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak dapat menjelaskan situasi ketidakseimbangan dan proses menuju keseimbangan. Ramai juga calon yang gagal menyatakan harga keseimbangan.

BAHAGIAN D: Kuantitatif

Soalan 13

Soalan ini berdasarkan persamaan permintaan tiga individu dalam pasaran.

Soalan (a) menghendaki calon menghitung kuantiti yang diminta di pasaran pada harga RM5.00. Majoriti calon dapat menghitung kuantiti diminta oleh individu. Namun begitu, sebahagian besar calon gagal menjumlahkannya dengan tepat. Contohnya, kuantiti diminta oleh Ali ialah 1.5 unit, Ah Chong ialah 6 unit, dan Raju ialah 2.5 unit. Pelajar dikehendaki menjumlahkan kesemua kuantiti yang diminta tersebut. Jadi, kuantiti diminta di pasaran ialah sebanyak 10 unit.

Soalan (b) menghendaki calon untuk menghitung kuantiti di pasaran apabila harga meningkat sebanyak 20%. Kemudian, calon dikehendaki untuk menentukan sama ada permintaan pasaran mengikut hukum permintaan atau tidak. Kebanyakan calon dapat menghitung kuantiti yang diminta tersebut dengan betul.

Soalan (c) menghendaki calon untuk menghitung keanjalan permintaan harga. Kebanyakan calon dapat menghitung keanjalan permintaan harga tetapi terdapat juga calon yang mengabaikan tanda negatif dan ada juga calon yang menjawabnya dalam bentuk peratus. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah -2 .

Soalan (d) menghendaki calon menghitung tingkat harga di pasaran pada kuantiti 6 unit. Majoriti calon gagal menghitung tingkat harga pasaran pada kuantiti 6 unit kerana kebanyakan calon menjumlahkannya secara mendatar. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah RM15.00.

Soalan (e) menghendaki calon melukis keluk permintaan pasaran tersebut. Terdapat calon yang gagal melukis keluk permintaan pasaran dengan tepat.

Soalan 14

Soalan ini berdasarkan dua keluk permintaan, iaitu pasaran *A* dan pasaran *B*.

Soalan (*a*) menghendaki calon menghitung nilai keanjalan permintaan harga di pasaran *A* dan pasaran *B* jika harga menurun daripada RM10.00 kepada RM5.00. Majoriti calon dapat menghitung keanjalan permintaan harga tetapi terdapat juga calon yang mengabaikan tanda negatif, dan ada juga calon yang menjawabnya dalam bentuk peratus.

Soalan (*b*) menghendaki calon untuk menghitung perbezaan jumlah hasil di setiap pasaran. Majoriti calon dapat menghitung jumlah hasil tetapi sebahagian besarnya lemah dalam menghitung perbezaan jumlah hasil, iaitu (jumlah hasil asal – jumlah hasil baru). Kesannya, jawapan calon terbalik.

Soalan (*c*) menghendaki calon menerangkan tindakan pengeluar untuk meningkatkan jumlah hasil di kedua-dua pasaran. Majoriti calon gagal untuk mengaitkan keanjalan permintaan harga dengan jumlah hasil.

Soalan 15

Soalan ini berdasarkan jadual jumlah utiliti seluar dan baju.

Soalan (*a*) menghendaki calon untuk menyatakan syarat keseimbangan pengguna untuk memaksimumkan utiliti. Majoriti calon hanya dapat menyatakan satu sahaja syarat keseimbangan untuk memaksimumkan utiliti.

Soalan (*b*) menghendaki calon untuk membina jadual utiliti sut seluar dan baju. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan (*c*) dan (*d*) menghendaki calon untuk menghitung kuantiti baju dan seluar yang akan dibeli dan juga kuantiti seluar dan baju selepas berlaku perubahan harga. Sebahagian besar calon dapat menghitung kuantiti seluar dan baju yang akan dibeli tetapi terdapat juga calon yang mengabaikan unit dan util.

Soalan 16

Soalan ini berdasarkan kepada jadual jumlah kos.

Soalan (*a*) menghendaki calon membina jadual kos purata dan kos sut. Majoriti calon dapat membina jadual kos purata dan kos sut tetapi terdapat juga calon yang mengabaikan unit RM.

Soalan (*b*) menghendaki calon untuk menghitung untung firma dan menentukan sama ada firma berada dalam keseimbangan jangka panjang atau tidak. Kebanyakan calon dapat menghitung untung firma dan dapat menyatakan firma tidak berada dalam jangka panjang kerana firma mengalami kerugian.

Soalan (*c*) menghendaki calon untuk menyatakan harga dan kuantiti keseimbangan jangka panjang firma. Kebanyakan calon dapat menjawab harga dan kuantiti keseimbangan jangka panjang tetapi terdapat juga calon yang mengabaikan unit dan RM.

KERTAS 944/2 (MAKROEKONOMI)**ANEKA PILIHAN****Kunci jawapan**

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	16	A
2	C	17	C
3	A	18	B
4	B	19	C
5	D	20	A
6	B	21	A
7	D	22	A
8	D	23	D
9	C	24	A
10	D	25	C
11	B	26	A
12	C	27	B
13	C	28	C
14	C	29	D
15	A	30	B

ESEI RINGKAS, ESEI, DAN KUANTITATIF**Komen am**

Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana, malah lebih mendekati kepada keadaan agak baik. Pemahaman tentang konsep dan teori asas ekonomi agak baik. Namun begitu, dari segi penghuraian terhadap sesuatu fakta adalah lemah dan masih perlu dibaiki. Calon perlu meningkatkan kefahaman terhadap fakta setiap topik supaya dapat menghuraikan fakta dengan lebih baik dan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan. Antara kelemahan calon ialah:

- Calon tidak berupaya untuk menghuraikan fakta dengan baik ataupun huraian yang dikemukakan tidak menyeluruh dan kurang tepat. Contohnya, soalan 2 dan soalan 8 merupakan soalan yang mudah dan sering ditanya pada tahun-tahun lepas. Namun begitu, calon gagal untuk menjawabnya dengan baik. Calon mengetahui bahawa fakta yang berkaitan tetapi tidak dapat menghuraikannya dengan baik, dan ada kalanya huraian yang dikemukakan tidak berkaitan langsung dengan fakta.
- Calon sekadar menyatakan rumus dalam bentuk ayat apabila menjawab soalan yang memerlukan penerangan bagi maksud sesuatu istilah. Misalnya, soalan 16(a): Apakah yang dimaksudkan eksport bersih? Kebanyakan calon sekadar menyatakan eksport tolak import. Calon mestilah dapat menjelaskannya dengan menggunakan perkataan bukan sekadar menyatakan rumus dengan perkataan.
- Calon tidak membuat perancangan rapi dalam jawapan mereka. Contohnya, bagi soalan 8, fakta meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan penggunaan teknologi moden dan pindahan teknologi disebut berulang-ulang.

- (d) Huraian fakta tidak mengikut laras fakta ekonomi yang betul. Contohnya soalan 5, kebanyakan calon menghuraikannya dari sudut sosial sahaja.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei Ringkas

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud *keluaran dalam negeri kasar* (KDNK) dan *keluaran negara bersih* (KNB). Calon sepatutnya menjelaskan bahawa KDNK ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir dalam tempoh tertentu tanpa mengira sama ada faktor pengeluaran yang digunakan milik negara itu atau negara asing.

KNB pula ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir dalam tempoh tertentu yang dikeluarkan oleh faktor pengeluaran milik negara itu, setelah ditolak susut nilai.

Hubungan KDNK dengan KNB adalah seperti yang berikut:

$$\text{KNB} = \text{KDNK} + \text{PFBL} - \text{susut nilai.}$$

PFBL ialah perbezaan nilai penerimaan pendapatan faktor dari luar negara dengan pembayaran pendapatan faktor ke luar negara.

Susut nilai ialah nilai barang modal yang mengalami kehausan nilai apabila digunakan pada tahun berkenaan.

Jika $\text{PFBL} > \text{susut nilai}$, maka $\text{KDNK} > \text{KNB}$

$\text{PFBL} < \text{susut nilai}$, maka $\text{KDNK} < \text{KNB}$

Perkara yang perlu diambil perhatian:

- (a) Kata kunci untuk menjelaskan maksud KDNK ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir. Hampir kesemua calon mendefinisikannya sebagai jumlah nilai barang dan perkhidmatan tanpa perkataan akhir.
- (b) Sebahagian besar calon memberikan 2 persamaan, iaitu $\text{KNK} = \text{KDNK} + \text{PFBL}$ dan $\text{KNB} = \text{KNK} - \text{susut nilai}$, tetapi tidak menghubungkan secara langsung KDNK dengan KNB sebagaimana yang dikehendaki dalam soalan ini.
- (c) Calon tidak menjelaskan PFBL dan susut nilai.
Calon tidak memberikan senario kedudukan KDNK dan KNB apabila $\text{PFBL} > \text{susut nilai}$ atau $\text{PFBL} < \text{susut nilai}$.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menerangkan tiga aktiviti ekonomi yang tidak diambil kira dalam penghitungan pendapatan negara. Calon sepatutnya menjelaskan aktiviti ekonomi berikut: aktiviti produktif yang tidak dipasarkan, aktiviti produktif yang tidak dibayar gaji, aktiviti produktif tetapi diharamkan (salah dari segi undang-undang), bayaran pindahan oleh kerajaan/swasta atau aktiviti yang tidak produktif, aktiviti produktif yang dibayar upah bukan wang.

Pada amnya, calon memahami kehendak soalan ini, namun, calon tidak dapat menerangkannya dengan baik. Kata kunci dalam aktiviti tersebut ialah aktiviti produktif tetapi tidak dipasarkan/tidak dibayar upah/salah dari segi undang-undang. Jawapan calon lebih bertumpu kepada contoh.

Kelemahan calon ialah mereka memberikan fakta yang berulang-ulang, terutamanya bagi fakta kegiatan ekonomi yang tidak dibayar gaji (antaranya calon menerangkan tentang aktiviti gotong-royong dan suri rumah). Begitu juga bagi kegiatan ekonomi yang produktif tetapi diharamkan (calon menerangkan kegiatan perjudian, pelacuran, dan kegiatan cetak rompak dalam tiga perenggan yang berbeza). Calon hanya mendapat markah maksimum 2 markah walaupun menghuraikan jawapan dengan lengkap.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kesan pengurangan perbelanjaan kerajaan (G) terhadap keseimbangan pendapatan negara dengan menggunakan pendekatan gambar rajah $AE-AS$. Calon sepatutnya melukis gambar rajah $AE-AS$ untuk menjawab soalan ini.

Penerangan calon mestilah merujuk kepada gambar rajah, iaitu apabila G berkurang, keluk AE akan beralih ke bawah. Calon mestilah menerangkan kedudukan keseimbangan asal, peralihan keluk tersebut dan seterusnya proses pelarasan yang berlaku apabila $AS > AE$ pada tingkat pendapatan negara yang asal. Selain itu, calon perlulah menunjukkan kedudukan akhir setelah pelarasan berlaku, iaitu pendapatan negara merosot.

Pada amnya, calon memahami kehendak soalan ini – jawapan disertakan dengan gambar rajah yang diperlukan. Namun begitu, calon tidak menerangkan proses pelarasan yang berlaku. Sebahagian besar calon sekadar menerangkan peralihan dari titik keseimbangan asal kepada yang baharu sahaja.

Penambahbaikan gambar rajah juga boleh dilakukan, iaitu perubahan perbelanjaan kerajaan mestilah ditunjukkan dalam gambar rajah sama ada menunjukkan ΔG atau dalam persamaan, iaitu $AE_0 = C + I + G_0$ kepada $AE_1 = C + I + G_1$.

Terdapat juga calon yang keliru dengan menggunakan gambar rajah pendekatan $AD-AS$.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kesan inflasi terhadap fungsi wang. Calon sepatutnya menjelaskan kesan inflasi terhadap kesemua 4 fungsi wang yang asas.

Wang sebagai alat perantaraan pertukaran: Inflasi akan menyebabkan nilai wang menurun, kuasa beli pengguna menurun, dan akhirnya masyarakat lebih suka menukarkan barang dengan barang, iaitu cenderung mengamalkan sistem barter untuk menjaga nilai kekayaan yang dimilikinya.

Wang sebagai alat penyimpanan nilai: Inflasi akan menyebabkan nilai wang menurun, nilai aset tetap meningkat. Pendapatan benar akan merosot, manakala nilai hartanah pula akan terus meningkat di pasaran. Ini akan mendorong orang ramai mengurangkan wang dalam tangan dan tabungan di bank, sebaliknya mereka menyimpan harta dalam bentuk aset tetap, seperti bangunan, rumah dan tanah.

Wang sebagai alat pengukur nilai: Inflasi akan menyebabkan harga setiap barang selalu mengalami perubahan. Harga relatif sesuatu barang dengan barang lain juga selalu mengalami perubahan. Ini sukar untuk menentukan nilai sesuatu barang dan perbandingan nilai antara barang dengan nilai sebenar sesuatu barang.

Wang sebagai alat bayaran tertunda: Inflasi akan menyebabkan pemiutang mengalami kerugian kerana nilai wang merosot. Oleh itu, urusan niaga pinjam meminjam berkurangan.

Sebilangan besar calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik. Walaupun pada dasarnya calon faham fungsi wang tetapi mereka tidak menjelaskan bagaimana fungsi tersebut terjejas apabila berlaku

inflasi. Sebaliknya, calon lebih cenderung untuk menerangkan ciri-ciri wang dan menjelaskan bagaimana ciri-ciri tersebut menyebabkan wang dapat berfungsi sedemikian. Ini tidak menepati kehendak soalan.

Kelemahan lain – calon hanya menyatakan kesan secara umum, contohnya nilai wang merosot secara berulang-ulang tanpa mengaitkan fakta yang berkenaan. Contohnya, mereka tidak mengaitkan sistem barter bagi alat perantaraan pertukaran; menentukan nilai sebenar sesuatu barang bagi alat pengukur nilai; urus niaga pinjam meminjam berkurangan bagi alat bayaran tertunda, dan penyimpanan kekayaan dalam bentuk hartanah atau emas bagi alat penyimpan nilai.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menerangkan pengangguran kitaran, pengangguran struktur, dan pengangguran geseran. Calon sepatutnya menjelaskan bahawa:

Pengangguran kitaran wujud apabila berlaku kemelesetan ekonomi iaitu perbelanjaan agregat berkurang. Ini menyebabkan stok berlebihan, maka firma terpaksa mengurangkan aktiviti pengeluaran, iaitu mengurangkan jam kerja dan juga jumlah pekerja, akhirnya berlakulah pengangguran.

Pengangguran struktur berlaku apabila terdapat perubahan struktur ekonomi atau cita rasa masyarakat/permintaan yang menyebabkan permintaan terhadap buruh dalam sektor tertentu meningkat manakala permintaan terhadap buruh di sektor lain berkurang. Tenaga buruh tidak mempunyai kemahiran dalam aktiviti baru, maka terpaksalah menganggur.

Pengangguran geseran berlaku pada guna tenaga penuh. Pekerja berhenti daripada suatu pekerjaan kerana ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Kelemahan calon – pada pengangguran struktur calon hanya mengaitkan ekonomi yang melambung dan meleset dan tidak mengaitkan AE/AD yang menurun. Seterusnya, calon tidak mengaitkannya dengan tindakan firma yang mengurangkan pengeluaran dan memberhentikan pekerja.

Pada pengangguran struktur – calon hanya menghuraikan sektor pertanian dan perindustrian secara umum tanpa mengaitkan pengurangan pengeluaran dan pemberhentian pekerja.

Pada pengangguran geseran – paling ketara calon menyatakan pengangguran geseran ialah pengangguran yang melibatkan pelajar lepasan univesiti, STPM, dan SPM dan bukannya merujuk kepada pekerja yang berhenti sementara untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.

Kelemahan lain – sebahagian calon menjelaskan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi pengangguran tersebut.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dasar kewangan melalui operasi pasaran terbuka dapat mengatasi kemelesetan ekonomi dengan menggunakan analisis $AD-AS$. Calon sepatutnya melukis gambar rajah $AD-AS$ untuk menjawab soalan ini.

Calon mestilah menjelaskan mekanisme yang digunakan dalam aktiviti ini, iaitu kerajaan membeli bon dan sekuriti kerajaan supaya penawaran wang bertambah. Apabila ini berlaku, kadar bunga menurun, kos meminjam juga menurun maka pelaburan bertambah. Ini menyebabkan keluk AD akan beralih ke kanan. Calon mestilah menerangkan kedudukan keseimbangan asal, peralihan keluk tersebut dan seterusnya proses pelarasan yang berlaku apabila $AD > AS$ pada tingkat harga asal. Akhirnya, calon perlulah menunjukkan kedudukan akhir setelah pelarasan berlaku, iaitu harga meningkat dan pendapatan negara juga meningkat. Dengan ini masalah kemelesetan ekonomi dapat diatasi.

Pada amnya, prestasi calon tidak memuaskan. Ini disebabkan calon menjelaskan kesan dasar kewangan secara umum tidak menumpukan perhatian kepada kehendak soalan, iaitu operasi pasaran terbuka (membeli bon dan sekuriti kerajaan). Kebanyakan calon tidak menjawabnya dengan teratur, iaitu mengikut urutan peristiwa yang sepatutnya dan bagaimana proses pelarasan untuk mencapai kedudukan keseimbangan yang baru.

Kelemahan lain – calon tidak memahami operasi pasaran terbuka untuk mengatasi kemelesetan ekonomi. Tindakan yang sepatutnya ialah membeli bon dan sekuriti kerajaan tetapi calon sebaliknya menyatakan menjual bon dan sekuriti kerajaan.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga alasan rakyat Malaysia mahukan Dolar Singapura dalam setiap urusan niaga yang dijalankan di negara tersebut.

Rakyat Malaysia mahukan Dolar Singapura untuk tujuan; mengimport barang dari Singapura; membuat pelaburan di Singapura; melancong ke Singapura; membiayai bayaran pindahan ke Singapura; membayar hutang pinjaman ke Singapura; mendapatkan keuntungan daripada aktiviti spekulasi mata wang dan aset kewangan dan aktiviti sosial lain, seperti melanjutkan pengajian di Singapura atau mendapatkan rawatan perubatan di Singapura.

Soalan ini ialah soalan yang mudah dan 'straight forward' kerana hanya memerlukan kefahaman asas tentang mata wang antarabangsa. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat memahami dengan baik kehendak soalan ini. Mereka menyatakan Dolar Singapura yang nilainya lebih tinggi dan lebih diterima ramai di peringkat antarabangsa berbanding dengan Ringgit Malaysia. Ini tidak menepati kehendak soalan.

Bagi fakta spekulasi, huraian yang diberikan calon terlalu umum. Calon tidak mengaitkannya dengan jangkaan terhadap Dolar Singapura akan meningkat dan akan membeli Dolar Singapura serta menjualnya semula apabila harganya meningkat.

Pada keseluruhannya, calon mendapat markah yang tinggi untuk soalan ini.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga alasan kerajaan menggalakkan kemasukan pelaburan asing langsung. Pelaburan asing langsung digalakkan dengan tujuan; mendapatkan sumber modal yang kurang dalam negara; menggunakan kepakaran asing; meningkatkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan pasaran eksport; meningkatkan penggunaan sumber ekonomi yang lain yang terdapat dalam negeri, seperti tanah atau bahan mentah; meningkatkan guna tenaga dalam negeri atau mengurangkan pengangguran dan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Soalan ini mudah bagi calon dan 'straight forward'. Calon hanya menggunakan kefahaman asas tentang faedah pelaburan. Pada amnya, calon mengetahui fakta mengapa kerajaan menggalakkan kemasukan pelaburan asing langsung. Mutu jawapan calon boleh dipertingkatkan dengan penjelasan atau huraian tentang fakta dengan lebih baik dan teratur serta berkait dengan fakta yang berkenaan.

BAHAGIAN C: Esei

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sama ada KNK dapat mengukur taraf hidup rakyat sesebuah negara atau tidak. Soalan ini berbentuk perbincangan. Oleh itu, calon perlu memberikan hujah menyokong (hujah bersetuju) dan/atau hujah menentang (hujah tidak setuju) penyataan ini.

Sebagai contohnya, calon boleh bersetuju dengan penyataan ini, iaitu KNK dapat mengukur taraf hidup rakyat sesebuah negara. Ini kerana KNK menggambarkan nilai output negara. Oleh itu, semakin tinggi nilai output negara semakin tinggi pendapatan, dan seterusnya semakin tinggi pendapatan, maka semakin tinggi taraf hidup rakyat negara tersebut.

Namun begitu, penyataan itu tidak tetap kerana terdapat beberapa faktor berikut yang tidak diambil kira:

- Tingkat harga umum
- Saiz/jumlah penduduk
- Komposisi barangan dalam ekonomi (KNK)
- Masa rehat dan masa kerja
- Kesan eksternaliti negatif seperti kualiti alam sekitar/pencemaran
- Corak agihan pendapatan

Pada amnya, calon memahami kehendak soalan ini dan fakta yang sepatutnya dibincangkan, namun begitu, calon tidak dapat menjelaskan/menghuraikan fakta tersebut dengan baik.

Kelemahan calon – kebanyakan calon hanya menyatakan ia dapat mengukur dengan tepat tetapi tidak mengaitkannya dengan output, pendapatan, dan taraf hidup.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan bagaimana keseimbangan pendapatan negara ekonomi dua sektor dicapai mengikut analisis $AE-AS$. Calon sepatutnya melukis rajah $AE-AS$ untuk menjawab soalan ini, dan menjelaskan bahawa syarat keseimbangan ialah $AE=AS$. Seterusnya, calon mestilah menerangkan bagaimana keseimbangan dicapai dari satu kedudukan tidak seimbang, iaitu apabila $AE > AS$ dan $AE < AS$. Ini bermakna calon mestilah menghuraikan proses pelarasan yang berlaku.

Apabila $AE > AS$, iaitu wujud lebih permintaan agregat, bererti perubahan inventori yang negatif. Firma akan meningkatkan output untuk memenuhi perbelanjaan agregat dan seterusnya meningkatkan keuntungan. Proses ini berterusan sehingga perubahan inventori sifar, iaitu keseimbangan baharu dicapai.

Apabila $AE < AS$, iaitu wujud lebih penawaran agregat, bererti perubahan inventori yang positif. Firma mengurangkan pengeluaran untuk mengurangkan lebih inventori. Proses ini berterusan sehingga perubahan inventori sifar, iaitu keseimbangan baharu dicapai.

Pada amnya, calon memahami kehendak soalan ini – jawapan disertakan dengan rajah yang diperlukan. Namun begitu, calon tidak menerangkan proses pelarasan yang berlaku daripada keadaan tidak seimbang kepada keadaan keseimbangan. Sebahagian besar calon sekadar menerangkan titik keseimbangan sahaja. Di samping itu, gambar rajah yang dilukis hanya menunjukkan keadaan pada titik keseimbangan. Gambar rajah sepatutnya menunjukkan juga keadaan sebelum keseimbangan dicapai, iaitu $AE > AS$ dan $AE < AS$.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan kesan pertambahan penggunaan autonomi terhadap keseimbangan pendapatan negara dengan menggunakan pendekatan rajah $AE-AS$. Calon sepatutnya melukis gambar rajah $AE-AS$ untuk menjawab soalan ini.

Jawapan calon sewajarnya bermula dengan menerangkan kedudukan keseimbangan asal. Apabila penggunaan autonomi bertambah, keluk AE beralih ke kanan dan seterusnya menjelaskan bagaimana proses pelarasan yang berlaku apabila $AE > AS$ pada tingkat pendapatan negara yang asal. Akhirnya, calon perlulah menunjukkan kedudukan akhir setelah pelarasan berlaku, iaitu pendapatan negara meningkat.

Kelemahan calon termasuklah:

- tidak faham maksud penggunaan autonomi – sebahagian calon menafsirkannya sebagai pelaburan autonomi. Oleh yang demikian, calon membincangkannya secara umum, iaitu kenaikan AE .
- Tidak menjelaskan proses pelarasan yang berlaku sehingga mencapai keseimbangan yang baharu.
- Tidak dapat membezakan gambar rajah pendekatan $AE-AS$ dengan $AD-AS$.

Soalan 11

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan inflasi tarikan permintaan dengan bantuan gambar rajah $AD-AS$. Calon sepatutnya melukis gambar rajah $AD-AS$ untuk menjawab soalan ini, dan menjelaskan inflasi tarikan permintaan berpunca daripada peningkatan dalam permintaan agregat.

Huraian seterusnya mestilah merujuk kepada gambar rajah bahawa apabila AD meningkat, keluk AD akan beralih ke kanan. Calon mestilah menerangkan kedudukan keseimbangan asal, peralihan keluk tersebut, dan seterusnya proses pelarasan yang berlaku apabila $AD > AS$ pada tingkat harga yang asal. Akhirnya, calon hendaklah menunjukkan kedudukan akhir setelah pelarasan berlaku, iaitu pendapatan negara dan harga akan meningkat. Calon perlu menegaskan kenaikan harga tersebut ialah inflasi tarikan permintaan.

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan ini dengan baik – jawapan lengkap dengan rajah yang diperlukan. Calon dapat menerangkan kedudukan keseimbangan asal dengan baik, peralihan keluk, dan tingkat keseimbangan baharu. Namun begitu, oleh sebab calon tidak menerangkan bagaimana proses keseimbangan baharu dicapai berlaku, maka jawapan tidak boleh dikatakan sempurna dan lengkap.

Kelemahan yang lain ialah calon tidak menekankan bahawa kenaikan harga yang berlaku itulah yang dikatakan inflasi tarikan permintaan.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan dua alat dasar fiskal yang boleh mengurangkan inflasi tarikan permintaan. Calon sepatutnya menerangkan inflasi tarikan permintaan dapat dibendung dengan mengurangkan permintaan agregat. Calon hendaklah menerangkan dengan merujuk kepada rajah bahawa langkah yang sesuai ialah kerajaan mengurangkan perbelanjaan kerajaan, menaikkan cukai atau mengurangkan perbelanjaan kerajaan, dan menaikkan cukai secara serentak.

Pengurangan perbelanjaan kerajaan akan menyebabkan AE berkurang, seterusnya keluk AD akan berkurang. Ini akan menyebabkan harga turun dan inflasi tarikan permintaan diatasi.

Apabila cukai dinaikkan, maka pendapatan boleh guna menurun dan seterusnya perbelanjaan isi rumah juga berkurang. Cukai juga akan mengurangkan keuntungan firma dan seterusnya mengurangkan pelaburan. C dan I yang berkurang akan mengurangkan permintaan agregat dan seterusnya keluk AD akan berkurang. Ini akan menyebabkan harga turun dan inflasi tarikan permintaan diatasi.

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menerangkan dua alat dasar fiskal yang boleh mengurangkan inflasi tarikan permintaan dengan baik, iaitu dengan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan/atau menaikkan cukai.

Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang tidak memahami dengan baik soalan ini. Mereka memberikan jawapan umum, iaitu dasar fiskal mengembang dan menguncup. Ini tidak menepati kehendak soalan.

Kelemahan lain ialah calon memberikan fakta yang berkaitan dengan dasar kewangan atau kawalan secara langsung. Ini bermakna calon tidak dapat membezakan dasar fiskal dengan dasar kewangan dan dasar kawalan secara langsung.

Soalan 12

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kesan tarif terhadap ekonomi sesebuah negara dengan menggunakan gambar rajah.

Calon sepatutnya melukis rajah berkaitan untuk menjawab soalan ini, dan menjelaskan kedudukan sebelum dan selepas tarif dikenakan dari aspek penggunaan dan pengeluaran tempatan, harga, dan kuantiti import. Seterusnya, calon hendaklah merumuskan perubahan tersebut dari aspek penggunaan dan pengeluaran tempatan, harga, dan kuantiti import serta juga hasil kutipan cukai kerajaan, lebih pengguna dan pengeluar, guna tenaga ataupun imbalan pembayaran.

Tidak ramai calon yang menjawab soalan ini. Calon lebih gemar untuk menjawab soalan 10 dan soalan 11 untuk Bahagian C ini. Terdapat pelbagai versi gambar rajah yang digunakan sama ada dari segi bentuk keluk atau juga label yang digunakan. Jawapan calon tersebut berasaskan sama ada kes negara kecil (small nation) atau negara besar (large nation).

Kelemahan paling ketara ialah calon tidak dapat membezakan pengeluaran tempatan dengan penggunaan tempatan. Seterusnya, calon tidak dapat menyatakan jumlah import.

Bagi calon yang dapat menjelaskan harga, penggunaan tempatan, pengeluaran tempatan, import untuk sebelum tarif dan selepas tarif, mereka kehilangan markah kerana tidak menghuraikan kesannya, iaitu berkaitan dengan pengeluaran tempatan yang semakin meningkat, penggunaan tempatan yang menurun, import yang menurun, hasil kerajaan, lebih pengguna yang menurun, lebih pengeluar yang meningkat, imbalan pembayaran dapat dibaiki, dan pengangguran dapat dikurangkan.

Kebanyakan calon hilang markah kerana tidak menyatakan jumlah peningkatan pengurangan berkaitan dengan fakta di atas.

Jawapan boleh dibaiki dengan mempersembahkannya dengan lebih teratur dan jelas, iaitu menjelaskan satu per satu dimulai dengan kedudukan sebelum tarif, diikuti kedudukan selepas tarif, dan seterusnya kesan daripada tarif.

BAHAGIAN D: Kuantitatif

Soalan 13

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud penggunaan awam, penggunaan swasta, dan memberikan dua contoh bagi setiap jenis penggunaan.

Penggunaan awam atau perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan kerajaan ke atas urusan pentadbiran kerajaan, contohnya, bayaran emolumen, pencen dan ganjaran, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri, dan bayaran khidmat hutang.

Penggunaan swasta merupakan perbelanjaan isi rumah terhadap barang dan perkhidmatan, contohnya, pembelian pakaian, kereta, barangan elektrik, perbelanjaan harian isi rumah, dan pelancongan.

Kebanyakan calon tidak memahami konsep, tidak dapat menghuraikannya dengan jelas, dan tidak dapat memberikan contoh yang betul. Bagi perkataan awam, calon menganggapnya sebagai kemudahan awam,

seperti jalan raya dan pengangkutan awam. Perkataan swasta pula lebih dikaitkan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat swasta (bukan kerajaan). Perlu difahami bahawa maksud awam dan swasta dalam konteks ini, iaitu awam ialah kerajaan dan swasta ialah isi rumah.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung KDNK harga pasaran.

Butiran	2008	2009
(+) Penggunaan awam	72 406	73 983
(+) Penggunaan swasta	276 589	280 931
(+) Pelaburan awam	55 270	68 978
(+) Pelaburan swasta	62 598	50 066
(+) Perubahan stok	-7 726	-13 084
(+) Eksport bersih barang dan perkhidmatan	69 174	51 574
KDNK Harga pasaran	528 311	512 448

Sebahagian besar calon dapat menghitungnya dengan tepat.

Soalan (c) menghendaki calon menghitung kadar pertumbuhan ekonomi. Kadar pertumbuhan ekonomi boleh dihitung dengan menggunakan formula yang berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar pertumbuhan ekonomi} &= \frac{KDNK_t - KDNK_{t-1}}{KDNK_{t-1}} \times 100 \\
 &= \frac{512\,448 - 528\,311}{528\,311} \times 100 \\
 &= 3.00\%
 \end{aligned}$$

Kebanyakan calon dapat menghitung kadar tersebut dengan betul.

Soalan (d) menghendaki calon menghitung jumlah dan peratus sumbangan perbelanjaan kerajaan kepada KDNK pada tahun 2008 dan 2009.

Jumlah perbelanjaan kerajaan (G) = Penggunaan awam + pelaburan awam

$$2008: G = 72\,406 + 55\,270 = 127\,676$$

$$2009: G = 73\,983 + 68\,978 = 142\,961$$

Peratus sumbangan perbelanjaan kerajaan kepada KDNK:

$$2008: \frac{127\,676}{528\,311} \times 100 = 24.17\%$$

$$2009: \frac{142\,961}{512\,448} \times 100 = 27.89\%$$

Kebanyakan calon dapat menghitung kadar tersebut dengan betul.

Soalan (e) menghendaki calon menjelaskan perubahan stok yang nilainya negatif. Perubahan stok merupakan perbezaan keluaran negara yang tidak terjual pada awal tahun (baki pada tahun sebelumnya) berbanding dengan baki keluaran negara yang tidak terjual pada akhir tahun. Oleh yang demikian, perubahan stok bernilai negatif apabila nilai stok tahun semasa lebih rendah berbanding dengan nilai stok pada awal tahun.

Pada amnya, calon tidak memahami maksud perubahan stok. Kelemahan tersebut menyebabkan calon tidak dapat menjelaskan maksud nilai stok yang negatif dengan tepat.

Soalan 14

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud kecenderungan mengimport sut, menentukan nilainya, dan menerangkan maksud nilai tersebut.

Kecenderungan mengimport sut ialah suatu ukuran perubahan dalam import apabila berlakunya perubahan dalam pendapatan negara.

$$M = 100 + 0.1Y \Rightarrow \frac{\partial M}{\partial Y} = 0.1$$

Kecenderungan mengimport sut ialah 0.1. Apabila pendapatan negara meningkat sebanyak RM1, import akan meningkat sebanyak RM0.10. Pada amnya, jawapan calon tidak memuaskan. Calon tidak memahami konsep dengan betul dan terdapat sebahagian calon yang menyatakan rumus untuk mendapatkan kecenderungan mengimport sut. Sebahagian calon dapat menentukan nilai kecenderungan mengimport sut, tetapi tidak dapat menerangkan maksud nilai tersebut.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung keluaran negara pada tingkat keseimbangan.

$$\begin{aligned} \text{Keseimbangan } Y &= C + I + G + (X - M) \\ &= 500 + 0.9[Y - 200] + 400 + 600 + 300 - (100 + 0.1Y) \\ Y &= 1\,800 + 0.9Y - 180 - 100 - 0.1Y = 1\,520 + 0.8Y \\ Y &= 1\,520/0.2 \\ Y &= 7\,600 \end{aligned}$$

Keseimbangan pendapatan negara pada $Y = 7\,600$

Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan betul.

Soalan (c) menghendaki calon menunjukkan bahawa pada tingkat keseimbangan jumlah bocoran sama dengan jumlah suntikan.

$$\begin{aligned} M &= 100 + 0.1(7\,600) = 100 + 760 = 860 \\ C &= 500 + 0.9(7\,600 - 200) = 500 + 6\,660 = 7\,160 \\ S &= -500 + 0.1(7\,600 - 200) = -500 + 740 = 240 \\ S + T + M &= 240 + 200 + 860 = 1\,300 \\ I + G + X &= 600 + 400 + 300 = 1\,300 \\ \text{Bocoran} &= \text{Suntikan} \end{aligned}$$

Kebanyakan calon tidak dapat menghitungnya dengan betul kerana walaupun pada asasnya mereka bermula jawapannya dengan betul, iaitu $S + T + M = I + G + X$ tetapi calon tidak menukarkan nilai $Y = 7\,600$ pada keadaan tersebut. Dengan itu, calon tidak dapat membuktikan bahawa bocoran = suntikan.

Soalan (d) menghendaki calon menerangkan sebab bagi perbezaan antara nilai X dengan M tidak boleh dianggap sebagai imbalan pembayaran. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu terdapat banyak maklumat lain dalam imbalan pembayaran.

Soalan (e) menghendaki calon menghitung perubahan perbelanjaan kerajaan yang diperlukan untuk mencapai guna tenaga penuh jika tingkat pendapatan guna tenaga penuh ialah 8 000.

$$\text{Jurang KNK} = 8\,000 - 7\,600 = 400$$

$$\text{Lompang deflasi} = 400/5 = 80$$

Oleh hal yang demikian, perbelanjaan kerajaan mestilah ditambah sebanyak 80.

Atau

$$Y = 500 + 0.9[Y - 200] + 400 + 600 + 300 - (100 + 0.1Y) + \Delta G$$

$$Y = 500 + 0.9Y - 180 + 1\,300 - 100 - 0.1Y + \Delta G$$

$$Y = 1\,520 + 0.8Y + \Delta G$$

$$\Delta G = Y - 1\,520 - 0.8Y$$

$$\Delta G = 0.2Y - 1\,520 \Rightarrow \Delta G = 0.2 \times 8\,000 - 1\,520 = 1\,600 - 1\,520 = 80$$

$$\Delta G = 80$$

Sebahagian kecil sahaja calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Punca utama calon tidak dapat menghitungnya dengan betul kerana calon menggunakan pendekatan pengganda dan menggunakan MPS = 0.1 sahaja untuk mendapatkan nilai pengganda. Nilai pengganda yang diperoleh ialah 10. Oleh sebab ini ialah kes yang terdapat import maka seandainya calon ingin menggunakan pendekatan ini calon mestilah juga mengambil kira kecenderungan mengimport sut untuk mendapatkan nilai pengganda.

Soalan 15

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud cukai langsung (CL) dan cukai tak langsung (CTL) dan memberikan contoh bagi setiap jenis cukai itu.

Cukai langsung ialah cukai yang bebannya tidak boleh dipindahkan kepada orang lain, contohnya cukai pendapatan perseorangan, cukai pendapatan syarikat, atau cukai koperasi.

Cukai tak langsung ialah cukai yang bebannya boleh dipindahkan kepada orang lain, contohnya cukai jualan, cukai import, cukai perkhidmatan, atau cukai eksport.

Kunci utama dalam definisi ini ialah perkataan beban cukai. Sebahagian besar calon tidak menyatakan perkataan tersebut. Mereka mendefinisikannya sebagai cukai yang boleh dipindahkan atau tidak boleh dipindahkan tanpa perkataan beban. Jawapan ini tidak memadai dan tidak tepat.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung jumlah hasil kerajaan (JH).

$$JH = CL + CTL + \text{Hasil Bukan Cukai}$$

$$2007: 69\,396 + 25\,772 + 44\,717 = 139\,885$$

$$2008: 82\,138 + 30\,760 + 46\,896 = 159\,794$$

$$2009: 78\,735 + 27\,774 + 55\,592 = 162\,101$$

Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan betul.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghitung peratusan sumbangan cukai langsung dan cukai tak langsung kepada jumlah hasil kerajaan.

$$\text{Sumbangan cukai langsung} = \frac{\text{Cukai langsung}}{\text{Jumlah hasil}} \times 100$$

$$\text{Sumbangan cukai tak langsung} = \frac{\text{Cukai tak langsung}}{\text{Jumlah hasil}} \times 100$$

Butiran	% Sumbangan		
	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009
Cukai langsung	$\frac{69\,396}{139\,885} \times 100 = 49.61$	$\frac{82\,138}{159\,794} \times 100 = 51.4$	$\frac{78\,735}{162\,101} \times 100 = 48.57$
Cukai tak langsung	$\frac{25\,772}{139\,885} \times 100 = 18.43$	$\frac{30\,760}{159\,794} \times 100 = 19.25$	$\frac{27\,774}{162\,101} \times 100 = 17.13$

Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan betul. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjumlahkan hasil cukai (CTL + CL) dan menghitung peratusan jumlah cukai tersebut. Kaedah ini tidak menepati kehendak soalan.

Soalan (b)(iii) menghendaki calon menerangkan arah aliran sumbangan cukai langsung dan cukai tak langsung dari tahun 2007 hingga tahun 2009.

Arah alirannya: Cukai langsung dan cukai tak langsung meningkat pada tahun 2008 dan menurun pada tahun 2009.

Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan betul.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan jenis belanjawan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan seterusnya menerangkannya secara ringkas kesan daripada belanjawan sedemikian. Jawapan yang sepatutnya ialah kerajaan melaksanakan belanjawan kurangan kerana jumlah perbelanjaan kerajaan keseluruhan melebihi jumlah hasil. Jika belanjawan sedemikian terus-menerus dilaksanakan maka antara kesan yang mungkin akan berlaku ialah:

- peningkatan hutang kerajaan
- penggunaan masyarakat meningkat
- ekonomi berkembang
- harga meningkat
- pendapatan negara meningkat

Kebanyakan calon menjawabnya dengan betul, iaitu belanjawan kurangan, tetapi calon tidak memberikan alasannya, iaitu jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil. Calon juga boleh menjelaskan kesan daripada belanjawan sedemikian. Sebahagian kecil sahaja calon yang tidak memahami konsep belanjawan menyatakan kesan daripada belanjawan sedemikian ialah inflasi atau kemelesetan ekonomi.

Soalan 16

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud eksport bersih.

Eksport bersih ialah perbezaan antara nilai eksport dengan nilai import. Pada amnya, calon memberikan jawapan yang umum, iaitu perbezaan antara eksport dengan import. Jawapan tersebut tidak lengkap kerana tidak menyebut tentang nilai, iaitu nilai eksport dan nilai import.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung eksport bersih Malaysia ke Singapura, Thailand, dan Indonesia pada tahun 2007 dan menerangkan maksud nilai tersebut.

Negara	Eksport bersih
Singapura	$88\,508 - 57\,955 = 30\,553$
Thailand	$29\,984 - 27\,006 = 2\,978$
Indonesia	$17\,749 - 21\,379 = -3\,630$

Berdasarkan nilai tersebut, eksport bersih Malaysia ke Singapura dan Thailand menunjukkan lebihan ($X > M$), manakala eksport bersih Malaysia ke Indonesia menunjukkan kurangan/defisit ($M > X$).

Kebanyakan calon dapat menghitung kadar tersebut dengan betul.

Soalan (c)(i) menghendaki calon menghitung peratusan sumbangan eksport kepada KDNK pada tahun 2006 dan tahun 2007 dan menjelaskan jawapan tersebut. Peratus sumbangan eksport kepada KDNK adalah seperti yang berikut:

$$\text{Sumbangan eksport} = \frac{\text{Eksport}}{\text{KDNK}} \times 100$$

Butiran	% Sumbangan	
	Tahun 2006	Tahun 2007
Singapura	$\frac{90\ 751}{475\ 192} \times 100 = 19.09$	$\frac{88\ 508}{505\ 353} \times 100 = 17.51$
Thailand	$\frac{31\ 177}{475\ 192} \times 100 = 6.56$	$\frac{29\ 984}{505\ 353} \times 100 = 5.93$
Indonesia	$\frac{14\ 916}{475\ 192} \times 100 = 3.14$	$\frac{17\ 749}{505\ 353} \times 100 = 3.51$

Kebanyakan calon dapat menghitung kadar tersebut dengan betul.

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menerangkan arah aliran sumbangan eksport tersebut. Sumbangan eksport kepada KDNK Malaysia ke Singapura dan Thailand merosot tetapi eksport ke Indonesia meningkat dari segi peratusannya. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan betul. Mereka dapat menyatakan arah aliran untuk Singapura, Thailand, dan Indonesia dengan tepat. Terdapat juga calon yang hanya menyatakan arah alirannya tidak konsisten. Sepatutnya, mereka menyatakan aliran merosot atau meningkat.

Soalan (d) menghendaki calon menyatakan dua jenis barang eksport Malaysia ke negara ASEAN dan dua jenis barang import Malaysia dari negara ASEAN. Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang umum, seperti makanan dan jentera, ataupun bukan barang seperti teknologi. Terdapat juga calon yang memberikan contoh barangan yang remeh-temeh, seperti kerepek dan durian. Kelemahan lain, calon memberikan dua contoh eksport dan dua contoh import daripada kategori yang sama. Pada amnya, pengetahuan calon tentang barangan eksport dan import negara amatlah rendah. Calon perlu merujuk bahan bacaan rasmi seperti Laporan Ekonomi Malaysia.